

22/04/1998

16 penerjun negara mendarat di Kutub Utara

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia mencatatkan satu lagi sejarah apabila 16 penerjun negara berjaya menjejakkan kaki awal pagi ini di Kutub Utara, kawasan paling sejuk di dunia.

Selain memacakkan `Jalur Gemilang', ekspedisi diketuai Abdul Rahim Dahalan yang terjun dari ketinggian hampir 3,000 meter itu juga berjaya menurunkan kereta nasional Proton Wira 1.5.

Ini adalah kejayaan kedua negara selepas dua rakyat Malaysia mencatatkan sejarah apabila berjaya menjejak kaki di puncak Gunung Everest, tahun lalu.

Menurut sekretariat ekspedisi itu, kumpulan penerjun itu menjejakkan kaki di Kutub Utara pada kira-kira jam 1.50 pagi (waktu Malaysia).

Malaysia adalah negara Asia pertama berjaya tiba di Kutub Utara, yang sebelum ini dilakukan oleh warga Amerika Syarikat, Jerman, Kanada, Russia, Itali dan United Kingdom.

Ketika diberitahu mengenai kejayaan itu petang ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengucapkan tahniah kepada kumpulan penerjun negara yang turut disertai seorang ibu kepada lima anak, Nordziah Mohd Amin, 39, dan peserta termuda, Mohd Shamsul Mohamed Amin, 21.

Menurutnya, ramai orang mengkritik ekspedisi itu kerana berpendapat ia kurang sesuai diadakan dalam kegawatan ekonomi sekarang.

"Tetapi saya berpendapat walaupun kembara ini bahaya dan nampak seolah-olah kita meringan-ringankan masalah ekonomi kita tetapi ia menaikkan semangat kita dan ini perlu kita adakan walau apapun keadaan dalam negara," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Majlis Perniagaan Malaysia-Britain, di sini.

Perdana Menteri melancarkan Ekspedisi Terjun Kutub Utara itu pada 29 Mac lalu serta menyaksikan latihan 16 peserta itu. Beliau juga menyerahkan bendera negara, Jalur Gemilang kepada Abdul Rahim.

Menurut sekretariat ekspedisi itu lagi, penerjunan oleh 16 peserta terbabit mengambil masa hampir setengah jam dan mereka berada selama dua jam di Kutub Utara.

Ekspedisi itu turut dianggotai Kapten (B) Abdul Rahmat Omar, Leftenan Ahmad Ramli Kardi, Mejar Kamaruddin Abdullah, Lt (B) A Aziz Ahmad, Mejar Amran Abd Rashid, LUK Sulaiman Alwee, Lt Ahmed Ab Rahman, Sarjan Maznan Mat Isa, Mohd Idros Nohd Yusop, Sarjan Mohd Hazamuakar Mohd Hatim, Kopral Ramlee Alias, Ramli @ Rizlan Mat Idin dan Kapt (B) Mohd Noorizan Mohd Yunos.

Turut berada di Kutub Utara ialah pegawai sokongan iaitu Halim Majid dan Md Redzuan Tumin dan Dr M Kamaruddin M Isa. Empat krew TV3 ialah Mohd Said Abdullah Thani, Jebat M Roseli, Norkamal Azedy Ahmad dan Hasri Abu Bakar.

(END)